

Dekorasi mewah ala istana Pak Engku

Oleh KAMELIA OTHMAN
kamelias@bestar.com.my
Foto S.S.KANESAN

Sebaliknya kemeriahan perkahwinan selebriti tanah air dan deretan perkahwinan kerabat diraja serta orang kenamaan, nama Raja Rosly Raja Mazlan, 48, tidak dapat lari dari tempas glamor. Lebih dikenali dengan panggilan Pak Engku, pemilik Kuzie Catering dan perunding perkahwinan ini meletakkan lagi sayapnya apabila memegang jawatan Pengarah Eksekutif di Empire Classic Furniture. Selangkah memasuki teratak milik selebriti chef ini yang terletak di Shah Alam terasa bagaikan berada di istana kecil. Dekorasi perabot mewah dari Empire Classic Furniture yang dihias di setiap ruang rumah ditambah dengan sentuhan Pak Engku sendiri menjadikan ia lebih istimewa. Menurutny, tata hias dalam rumah banglo setingkat itu berinspirasikan dekorasi dalam istana. Ini kerana Pak Engku mengukir terikat dengan hiasan dalam di istana yang eksklusif dan tampak mewah. "Pilihan konsep dekorasi juga perlu selari

dengan elemen tata hias lain termasuk reka letak perabot dan aksesori hiasan dalam supaya penampilan ruang kelihatan unik serta memenuhi fungsinya. "Jika penggemar dekorasi ala istana, Empire Classic Furniture merupakan pilihan yang tepat dan setanding di istana. Ia bukan sahaja banyak pilihan malah pelbagai gaya istana boleh didapati di sini," jelasnya. Bukan sahaja perabot, kertas dinding turut memainkan peranan penting dalam membangkitkan lagi aura istana. Pak Engku memilih kertas dinding rona keemasan di bahagian ruang tamu dan dapur, manakala di ruang tamu kedua, kertas dinding lebih bercorak lembut dipilih kerana ia bersesuaian dengan suasana ketika menonton televisyen. "Pemilihan kertas dinding perlu dibuat dengan teliti khususnya supaya ia selaras dengan konsep dekorasi. Pemilihan corak dan warna yang tepat pastinya memberi kepuasan dan mencapai konsep yang kita mahukan. "Pelbagai jenis kertas dinding mengikut kesesuaian perabot dan sofa disediakan sebagai pelek menarik daripada Empire Classic Furniture," katanya. Manakala ketika menjengah ke ruang

makan, Pak Engku masih dengan konsep mewahnya dengan menggunakan set meja makan English Royal Style yang disaluti warna keemasan. "Ruangan dapur dan meja makan adalah antara tempat penting bagi saya. Sebagai chef, saya sentiasa memastikan tempat santapan menjadi ruang keutamaan, sudah tentunya selesa dan eksklusif," katanya. Kemasannya mengikut konsep dekorasi menjadi titik fokus apabila disuai padan dengan perabot atau aksesori hiasan lain. Langsir yang digunakan di keseluruhan ruangan rumah Pak Engku juga antara pekej yang turut disediakan oleh Empire Classic Furniture selain lampu hiasan dan candelier. "Kesesuaian dari perhiasan perabot seperti sofa, set meja makan, almari sehingga langsir, lampu candelier dan cermin hiasan mudah didapati di Empire Classic Furniture. "Dengan harga yang berpatutan malah lebih rendah dari harga perabot mewah di pasaran. Namun begitu setiap perabot yang dijual mempunyai kualiti yang setanding dengan jenama mewah lain. Bak kata pepatah, biarlah membeli tapi menag memakai," ujarnya.



Lampu meja yang mewah cepat menangkap pandangan mata.




Set meja makan batu marmar kulit ini menyerlahkan lagi gaya mewah.



Ruang yang dwifungsi iaitu sebagai tempat bersantai untuk menonton televisyen dan juga kawasan khas bagi Pak Engku mengadakan aktiviti keagamaan.



Ruang dinding tidak dibiarkan kosong dihiasi dengan hiasan potret keluarga.



Candelier yang 24 tiang Pak Engku memilih sebagai hiasan mewah memandikan